

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### ARAHAN KEPADA PELAJAR PEREMPUAN SEMESTER 1, 2 DAN 3 UNTUK MENDIAMI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR, POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

**1. SIAPAKAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK MENDIAMI KOLEJ KEDIAMAN?**

Pelajar-pelajar perempuan Semester 1, 2 dan 3 Sesi 2 2022/2023, Politeknik Ibrahim Sultan.

**2. APAKAH KELEBIHAN TINGGAL DI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR, PIS?**

Antara kelebihan tinggal di Kolej Kediaman Pelajar PIS ialah:

- i. Keselamatan pelajar lebih terjamin.
- ii. Jarak penginapan dekat dengan kelas serta memudahkan pelajar untuk mengulangkaji pelajaran bersama rakan-rakan lain.
- iii. Terdapat kemudahan fasiliti yang lengkap seperti kafeteria, masjid, serta kemudahan riadah dan sukan.

Banyak lagi kelebihan lain yang tidak dapat dinyatakan di sini.

**3. KENAPA PELAJAR DIWAJIBKAN UNTUK TINGGAL DALAM KOLEJ KEDIAMAN?**

Bangunan kolej kediaman telah disediakan kepada pelajar untuk kemudahan dan keselesaan pelajar sepanjang menjalani pengajian di Politeknik Ibrahim Sultan.

**4. BILAKAH ARAHAN INI BERKUATKUASA?**

Arahan ini mula berkuatkuasa mulai Sesi 2 2022/2023. Untuk makluman, arahan ini telah berkuatkuasa sejak Sesi Disember 2018 namun ditarik semula semasa pandemik COVID 19 dan dikuatkuasakan semula pada semester ini.

**5. SEKIRANYA PELAJAR PEREMPUAN GAGAL UNTUK MEMATUHI ARAHAN YANG DITETAPKAN?**

Pelajar yang tidak mematuhi arahan yang ditetapkan perlu mengemukakan rayuan dan merujuk ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Ibrahim Sultan.

**6. BAGAIMANA DENGAN BAYARAN YURAN YANG DIKENAKAN?**

Pelajar perlu menjelaskan bayaran sepertimana yang ditetapkan sebanyak RM630.00 bagi setiap semester pengajian.

**7. BAGAIMANAKAN KAEDAH BAYARAN YANG PERLU DILAKUKAN?**

Pembayaran perlu dibuat secara kaedah JOMPAY. Pelajar boleh merujuk laman sesawang berikut [www.pis.edu.my](http://www.pis.edu.my) untuk maklumat lanjut berkaitan bayaran.

**8. YURAN MAHAL, BOLEHKAH SAYA MENANGGUHKAN BAYARAN BUKAN PADA WAKTU YANG DITETAPKAN?**

Boleh, pelajar perlu merujuk Hal Ehwal Pelajar untuk mendapatkan kebenaran menanggung bayaran dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

**9. SAYA TELAH MEMBUAT BAYARAN PENDAHULUAN RUMAH SEWA, BOLEHKAH SAYA MENUNTUT BAYARAN BALIK DARIPADA PIS SEKIRANYA INGIN TINGGAL DI DALAM KOLEJ KEDIAMAN?**

Tidak boleh, namun pelajar boleh berbincang dengan tuan rumah untuk mendapatkan semula wang tersebut sekiranya mendapat persetujuan bersama.

**10. SEKIRANYA SAYA BERHASRAT UNTUK TINGGAL DI RUMAH SEWA DISEBABKAN SAYA TELAH MEMBELANJAKAN WANG YANG BANYAK BAGI PERSEDIAAN TINGGAL DI LUAR, BOLEHKAH SAYA TIDAK MENERIMA ARAHAN TERSEBUT?**

Pelajar dikehendaki mematuhi arahan yang dikeluarkan namun begitu atas pertimbangan pihak HEP boleh membenarkan tinggal di luar dengan cara mengemukakan surat rayuan. Perlu diingatkan isu keselamatan di rumah sewa adalah tanggungjawab sendiri.

**11. BOLEHKAH SAYA TINGGAL DI RUMAH SEWA SECARA SEMENTARA KEMUDIAN BERPINDAH MASUK KE KOLEJ KEDIAMAN KERANA TELAH MEMBAYAR WANG PENDAHULUAN?**

Boleh dengan makluman kepada Pengurusan Kolej Kediaman pada awal semester. Kegagalan pelajar memaklumkan kepada pihak Pengurusan Kolej Kediaman boleh menyebabkan tempat tersebut ditawarkan kepada pelajar lain.

**12. BAGAIMANA PULA DENGAN BAYARAN YURAN KOLEJ KEDIAMAN SEKIRANYA SAYA TINGGAL DI RUMAH SEWA DAHULU?**

Pelajar dikehendaki membuat bayaran penuh berdasarkan kadar yang ditetapkan.

**13. SAYA TINGGAL BERSAMA KELUARGA BERHAMPIRAN DENGAN PIS, ADAKAH SAYA DIBENARKAN UNTUK TERUS TINGGAL DI RUMAH KELUARGA?**

Pelajar digalakkan tinggal di kolej kediaman untuk memastikan kemudahan pembelajaran, namun sekiranya ingin tinggal bersama keluarga, pelajar perlu mengemukakan rayuan bertulis kepada pihak HEP.

**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR  
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN  
11 JANUARI 2023**